

## Bab 6

### Pengaruh Bahasa Utama terhadap Bahasa Melayu

#### 6.1 Pengenalan

Seperti yang telah diterangkan dalam **Bab 5**, corak dasar bahasa di Malaysia dan Thailand berlainan, malah berlawanan sifatnya; namun bahasa Melayu di keduadua negara ini tetap dicabar atau diancam oleh bahasa utama yang terdapat dalam negaranya masing-masing, iaitu bahasa Inggeris di Malaysia dan bahasa Thai di selatan Thailand. Dalam bab ini akan ditinjau pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu yang terdapat di Malaysia. Dari semasa ke semasa terdapat ceramah, syarahan, rencana dan seumpamanya yang mempertikaikan cabaran dan ancaman terhadap bahasa Melayu, dan wacana demikian tidak terkira banyaknya. Para pencinta bahasa mengeluh tentang keadaan bahasa Melayu yang sentiasa diancam oleh bahasa Inggeris, dan timbulah istilah-istilah seperti ‘bahasa rojak’, ‘pencemaran bahasa’, ‘peminggiran bahasa Melayu’ dan seumpamanya. Tetapi hasil kerja yang berbentuk penganalisisan, terutamanya kajian terhadap puncanya, tidak begitu banyak.

Oleh sebab halnya demikian, dalam **Bab 5** ini pengkaji mencuba menganalisis punca pengaruh bahasa utama, lalu membandingkan sifat pengaruh bahasa utama tersebut. Dengan kata lain, apa yang dikaji di sini ialah bukan bentuk bahasa Melayu yang ‘murni’ atau ‘tidak dicemar’, melainkan bahasa yang dianggap sebagai ‘rosak’ dan ‘dicemar’ itu sendiri, iaitu bahasa basahan, kerana bahasa yang bersifat demikianlah benar-benar digunakan dalam masyarakat masing-masing.

## 6.2 Gejala Dwibahasa

Sebelum menganalisis penggunaan bahasa Melayu yang dipengaruhi oleh bahasa utama di kedua-dua negara tersebut (tinjauan terhadap pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Patani dijalankan dalam **Bab 7**), perlu dilihat aspek teoritis yang menyebabkan keadaan yang demikian dengan mendalam. Secara umum, terdapat anggapan bahawa jika dua bahasa bertembung sesuatu bahasa dipengaruhi oleh satu bahasa yang lain. Tetapi gejala yang berlaku sebenarnya ialah kumpulan penutur sesuatu bahasa dipengaruhi oleh suatu (kumpulan) bahasa yang lain, bukan bahasa itu sendiri yang terpengaruh. Seperti yang telah dijelaskan dalam **Bab 2**, bahasa memberi pengaruh tidak semestinya mengambil bentuk kumpulan manusia, kerana bahasa kumpulan pihak penerima boleh dipengaruhi menerusi penjajahan, media massa, sistem pendidikan dan seumpamanya. Dan inilah gejala yang berlaku terhadap bahasa Melayu di kedua-dua negara yang berjiran, iaitu di Malaysia dan Thailand. Bahasa Melayu di kedua-dua tempat ini dipengaruhi secara besar-besaran dan mendalam melalui penjajahan. Dalam hal ini, orang dwibahasa memainkan peranan sebagai pemungkin.

### 6.2.1 Peringkat Pengaruh Bahasa Utama

Pada umumnya, kata pinjaman dalam sesuatu bahasa tidak dianggap sebagai unsur yang bermasalah, apalagi dianggap sebagai sesuatu yang negatif seperti ‘pencemaran’ jika kata pinjaman itu telah mantap penggunaannya dan diterima oleh masyarakat penerima, terutamanya setelah disahkan oleh pihak yang berwibawa dalam penggunaan bahasa. Dalam kebanyakan hal, kata pinjaman dibawa masuk oleh

orang dwibahasa, yang menggunakan kelainan bahasa yang kerap kali dipandang negatif (lihat Haugen, 1972). Sebenarnya peminjaman merupakan peringkat terakhir dalam pengaruh bahasa lain terhadap sesuatu bahasa. Unsur-unsur asing yang pada peringkat permulaannya dipandang negatif, lama-kelamaan semakin diterima oleh masyarakat umum, dan akhirnya menjadi unsur bahasa itu sendiri.

Pengaruh sesuatu bahasa terhadap bahasa yang lain, yang berpemangkin orang dwibahasa, boleh dilihat dari dua sudut pandangan. Pertama, dari sudut pandangan peribadi, iaitu peringkat penguasaan dua (atau lebih) bahasa<sup>1</sup>. Satu lagi sudut pandangan ialah penggunaan dua bahasa tersebut.

#### **6.2.1.1 Peringkat Penguasaan Dwibahasa**

Istilah *orang dwibahasa* kadang kala menimbulkan konotasi bahawa orang berkenaan menguasai dua kelainan bahasa secara tuntas dan sempurna. Orang yang memiliki kemampuan demikian dipanggil orang dwibahasa seimbang (*balanced bilingual*). Tetapi orang yang demikian amat sedikit jumlahnya, dan biasanya orang dwibahasa menguasai dua kelainan bahasa mengikut keperluan, seperti membaca dan menulis dalam bahasa A, dan bertutur dan mendengar dalam bahasa B. Pendek kata, orang dwibahasa membahagikan fungsi bahasa yang dikuasai olehnya mengikut keadaan.

---

Dalam kajian kedwibahasaan, istilah *dwibahasa* boleh mendukung maksud bahawa seseorang atau sesuatu masyarakat yang menggunakan dua atau lebih dari dua bahasa. Dengan kata lain, istilah dwibahasa digunakan sama maksud dengan istilah *aneka bahasa*. Dalam kajian ini, sila perhatikan bahawa jika disebut dwibahasa atau ‘dua bahasa’, berkemungkinan terdapat keadaan jumlah bahasanya lebih daripada dua.

Jika hal ini berlaku di peringkat masyarakat, gejalanya dipanggil *diglossia*. Keadaan diglossia pada konsep asalnya yang dianjurkan oleh Ferguson, bermaksud penggunaan dua kelainan dari bahasa yang sama. Tetapi konsep diglossia ini telah diperluas oleh Fishman, iaitu diaplikasikan kepada keadaan dwibahasa. Dwibahasa yang demikian, iaitu menguasai dua bahasa mengikut fungsi dan keperluan, paling banyak berlaku dalam masyarakat dwibahasa. Tahap penguasaan dua bahasa ini berbeza-beza mengikut berbagai-bagai faktor yang mempengaruhi pendedahan seseorang terhadap dua kelainan bahasa, seperti latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan, pergaulan, media massa dan sebagainya.

Di sini perlu diperhatikan bahawa dalam bahasa percakapan, pembahagian fungsi bagi tiap-tiap kelainan yang dikuasainya tidak semestinya jelas. Tetapi pembahagian fungsi tersebut lebih jelas dalam bahasa tulisan. Ada ramai orang dwibahasa yang ‘buta huruf’ dalam salah satu bahasa yang dikuasai olehnya (atau kedua-duanya, misalnya bagi bahasa yang tidak bertulisan, dan sebagainya). Selain faktor pembelajaran, satu lagi faktor yang menyebabkan pembahagian fungsi yang jelas dalam bahasa tulisan ialah, biasanya dalam penulisan satu bahasa sahaja digunakan, dan tidak berlaku percampuran, terutamanya dalam bentuk yang dipanggil *peralihan kod*. Secara kasar, peralihan kod ialah penggunaan dua kelainan bahasa secara berselang-seli<sup>2</sup>. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa peralihan kod amat sukar berlaku dalam bahasa tulisan, yang memerlukan sifat yang lebih formal berbanding dengan bahasa tulisan. Peringkat dwibahasa yang paling tinggi dari segi kemampuan

<sup>2</sup> Gejala ini berlainan daripada penulisan dua bahasa untuk mengungkapkan konsep yang sama, misalnya dalam petikan al-Quran atau Hadis Rasullah s.a.w. dalam buku-buku agama, yang ayat asalnya ditulis dalam bahasa Arab, dan diikuti oleh maksudnya dalam bahasa Melayu. Di sini dua bahasa digunakan sepenuhnya untuk maksud yang sama. Tetapi dalam hal peralihan kod, perkara yang telah diungkapkan dalam satu bahasa tidak diulang lagi dalam bahasa yang lain.

ialah orang dwibahasa seimbang, menurun kepada orang dwibahasa yang kemampuannya dibahagikan mengikut fungsi dan keperluan. Peringkat paling rendah dalam hal ini ialah orang yang tidak dapat menguasai satu lagi kelainan bahasa dalam sebarang kemampuan, kecuali kemampuan yang paling minimum.

Perbincangan dalam bahagian ini boleh dirumuskan dalam rajah yang berikut:

**Jadual 6.1 Peringkat Penguasaan Dwibahasa**


Peringkat Penguasaan	Kemampuan	Keadaan masyarakat
Dwibahasa seimbang	Sempurna, dapat menggunakan dua bahasa dalam bertutur, mendengar, membaca serta menulis.	Dwibahasa
Dwibahasa mengikut fungsi	Kemampuannya bergantung pada keperluan dan fungsi. Kadar penguasaannya bercampur-campur.	Diglosia dan dwibahasa
Dwibahasa tak sempurna	Tidak sempurna dalam semua kemampuan, kecuali sedikit pengetahuan tentang bahasa kedua.	Diglosia atau ekabahasa
Ekabahasa	Tidak mempunyai sebarang kemampuan dalam bahasa yang selain daripada bahasa ibunda	ekabahasa



- pendidikan
- pembelajaran
- pekerjaan
- pendedahan kepada bahasa kedua
- sikap bahasa
- nilai yang ada pada bahasa dsb.

Tetapi di sini perlu diperhatikan bahawa peringkat penguasaan kedwibahasaan di antara dwibahasa mengikut fungsi dan dwibahasa tak sempurna amat luas. Ini bermaksud bahawa peringkat penguasaan seseorang dwibahasa dalam masyarakat dwibahasa berada di antara dua hujung, iaitu satu hujung ialah dwibahasa seimbang dan satu lagi ialah ekabahasa (jika kita memasukkan *dialek* dan *ragam bahasa* dalam konsep ‘bahasa lain’, tiada orang yang berekabahasa). Oleh sebab halnya tentang orang ekabahasa dan orang dwibahasa seimbang demikian sifatnya, maka kemampuan manusia yang benar-benar wujud berada di antara kedua-dua hujung ini secara relatif.

### Jadual 6.2 Peringkat Penguasaan Dwibahasa mengikut Kemampuan



#### 6.2.1.2 Peringkat Penggunaan Dwibahasa

Dalam percakapan orang dwibahasa, terdapat berbagai-bagai gejala dwibahasa mengikut kemampuan kedwibahasaannya sendiri. Di sini gejala dwibahasa dibahagikan kepada empat peringkat. Peringkat pertama ialah peralihan kod. Gejala peralihan kod ini biasanya berlaku pada masyarakat penutur yang menggunakan dua bahasa mengikut fungsi dan keperluan. Untuk gejala peralihan kod ini berlaku, kemampuan dwibahasa yang diperlukan agak tinggi. Hal ini berlaku kerana unsur asing yang dimasukkan pada peringkat perkataan biasanya tidak dianggap sebagai penggunaan dua kod secara serentak, tetapi dianggap sebagai kata pinjaman.

Peringkat yang seterusnya ialah pinjaman secara tak rasmi. Wong (1991 : 1054) menegaskan kepentingan untuk membezakan unsur pinjaman daripada peralihan kod. Seperti yang akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya, sistem yang menghasilkan ungkapan peralihan kod dengan peminjaman berada di peringkat yang berlainan dalam sistem berbahasa manusia. Sekiranya pembahagian antara kedua-dua unsur ini tidak dilakukan, perbincangannya tidak kena pada tempat, kerana membincangkan perkara yang berlainan sifatnya atas landasan yang sama. Di sini,

dalam menghasilkan ungkapan yang bercampur dengan unsur pinjaman, kemampuan dwibahasa yang diperlukan tidak setinggi seperti dalam peralihan kod. 'Secara tak rasmi' di sini pula bermaksud unsur pinjaman yang tidak disahkan atau tidak diterima oleh pihak yang berwibawa, seperti kerajaan dan perbadanan bahasa. Tetapi penggunaannya amat meluas dalam masyarakat, terutamanya dalam bahasa basahan<sup>3</sup>.

Kedua-dua gejala dwibahasa, iaitu penggunaan dua kod secara serentak dan peminjaman secara tak rasmi, cuma berlaku dalam bahasa lisan, dan jarang terdapat dalam bahasa tulisan. Lama-kelamaan, unsur pinjaman yang diambil secara tak rasmi tersebut tidak lagi dirasakan janggal oleh kebanyakan anggota masyarakat. Biasanya unsur pinjaman secara tak rasmi ini tidak berdaya tahan lama, dan digunakan untuk sementara waktu sahaja (Kato, 1997 : 318). Walaupun demikian, sesetengah unsur pinjaman secara tak rasmi terus digunakan untuk jangka waktu yang agak lama, dan kadang kala mengambil alih kedudukan perkataan yang sedia ada dalam bahasa pihak penerima unsur pinjaman. Unsur-unsur pinjaman yang berdaya tahan ini, dan yang digunakan oleh kebanyakan anggota masyarakat, akan disahkan oleh pihak yang berwibawa dalam hal ehwal kebahasaan, dan boleh dianggap sebagai unsur yang telah menjadi sebahagian daripada bahasa pihak penerima.

Setelah unsur pinjaman tak rasmi telah dirasmikan, iaitu diterima sebagai sebahagian daripada unsur bahasa pihak penerima, sesetengah daripadanya telah diasimilasikan seratus peratus dengan bahasa pihak penerima, malah dianggap sebagai darah dagingnya setelah waktu berabad-abad lamanya berlalu. Setelah mengalami

<sup>3</sup> Biasanya tanggapan masyarakat umum terhadap gejala ini negatif, terutamanya bagi orang-orang yang menggemari 'kemurnian bahasa'. kerana unsur-unsur demikian akan merosakkan bahasa yang 'indah' dan 'murni'. Jolokan yang diberikan terhadap gejala ini juga mengandungi konotasi yang negatif, seperti 'pencemaran bahasa', 'kerosakan bahasa' dan yang sama sifat dengannya.

asimilasi dalam jangka masa yang berabad-abad lamanya, unsur itu tidak lagi dianggap sebagai unsur asing, malah dianggap sebagai darah daging bahasa sendiri yang ‘murni’.<sup>4</sup>

Secara kesimpulan, perbincangan dalam bahagian ini boleh dirumuskan dalam rajah yang berikut:

**Jadual 6.3 Peringkat Penggunaan Kedwibahasaan**

Peringkat Penggunaan	Bentuk Bahasa	Anggapan Masyarakat		Kemampuan
Penggunaan dua kod secara serentak	pertuturan tidak formal	pencemaran, percampuran, kerosakan	positif	Dwibahasa
Peminjaman secara tak rasmi				
Peminjaman rasmi				
Pengasimilasian				
Pengesahan oleh pihak yang berwibawa				
	↓ pertuturan formal dan penulisan	↓ murni, baik	↓ negatif	↓ ekabahasa

## 6.2.2 Peralihan Kod

Sebelum membincangkan gejala peralihan kod, di sini perlu diperhatikan sistem berbahasa yang menghasilkan kepelbagaiannya untuk menjelaskan ciri-ciri khusus yang ada pada gejala dwibahasa yang bersifat peralihan kod. Sebenarnya, bahasa yang digunakan oleh penutur ekabahasa juga dicorakkan oleh kepelbagaiannya


<sup>4</sup> Di sini perlu diperhatikan konsep ‘kemurnian’ bahasa yang sentiasa diteriak oleh golongan yang tidak hendak mengambil unsur-unsur asing supaya bahasanya tidak ‘dicemar’. Sebenarnya konsep ini khayalan semata-mata, kerana tidak ada bahasa yang tidak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain. Bahasa yang tidak menerima sebarang pengaruh dari bahasa asing ialah bahasa yang telah ‘mati’ sahaja, yang dapat mempertahankan bentuknya dalam kitab-kitab klasik sahaja, seperti bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Yunani kuno dan sebagainya.

yang amat ketara, disebabkan oleh faktor-faktor berikut: latar belakang penutur, baik dari segi pendidikan maupun pekerjaan serta kedudukan masyarakat, jantina penutur, keadaan berbahasa, teman bicara, pengantar berbahasa dan sebagainya. Kepelbagaiannya tersebut pula boleh dilihat dari berbagai-bagai sudut pandangan, seperti tajuk perbincangan (laras bahasa), kesantunan (gaya bahasa), kemesraan (ragam bahasa), kedaerahan (dialek) dan seumpamanya.

Berhubung dengan gaya bahasa, Bernstein (1968, dalam Nik Safiah, 1986 : 13) menganjurkan konsep yang amat membantu, iaitu pembahagian antara *bahasa terhad* dan *bahasa terbina*. Bahasa terhad ialah bahasa yang digunakan dalam percakapan mesra, yang kedua-dua pihak berkongsi maklumat dan pengalaman. Kelainan ini digunakan dalam situasi yang tidak rasmi, dan kedua-dua penuturnya berhubungan mesra. Oleh itu bentuk bahasanya bersahaja, terdapat banyak potongan ayat, dan amat bergantung kepada keadaan berbahasa. Bahasa terbina pula digunakan dalam keadaan yang agak formal, yang kedua-dua pihak tidak berhubungan mesra, dan tidak pula berkongsi banyak maklumat. Dengan demikian, dalam bahasa terhad, bentuk ayatnya kerap kali tidak sempurna, terdapat banyak potongan ayat dan dicirikan oleh penggunaan yang khusus seperti slanga dan ungkapan-ungkapan tertentu. Bahasa terbina pula digunakan dalam keadaan yang formal, dan kedua-dua pihak tidak berkongsi banyak maklumat. Penggunaan bahasa pula hampir tidak bergantung kepada keadaan berbahasa. Dalam bahasa terbina juga bentuk ayatnya sentiasa perlu sempurna, dan mengandungi semua maklumat yang perlu disampaikan tanpa potongan. Bentuk bahasanya juga formal, dan tidak ada tempat untuk ungkapan-ungkapan slanga.

Perbincangan di atas boleh disimpulkan dalam rajah yang berikut:

**Jadual 6.4 Perhubungan Antara Kepelbagaian Bahasa dan Faktornya**



Dengan demikian, sistem dalam minda penutur dwibahasa yang menghasilkan gejala peralihan kod dengan sistem berbahasa bagi orang ekabahasa boleh dianggap sebagai sistem yang sama sifatnya, cuma berbeza dari segi jumlah bahasa.

#### 6.2.2.1 Sistem Penghasilan Ungkapan

Untuk seseorang manusia menghasilkan ungkapan (atau *parole*<sup>5</sup>), dia perlu merujuk kod bahasa yang ada pada mindanya. Dalam bidang sosiolinguistik, kod

<sup>5</sup> Istilah *parole* dan *langue* yang digunakan di sini dianjurkan oleh ahli ilmu bahasa Perancis, F. de Saussure melalui ‘Pengantar Linguistik Am’ (terjemahan dalam bahasa Melayu oleh Ajid Che Kob pada tahun 1993). Dalam kajian ini, walaupun bentuknya agak janggal bentuk asalnya digunakan.

boleh dipilih dan boleh ditukar. Dengan demikian, secara umumnya difikirkan bahawa seseorang penutur mempunyai beberapa kod bahasa. Tetapi sistem yang dimiliki oleh seseorang manusia tetap satu, bukan bersifat jamak. Cuma kod yang dikandungnya boleh jadi lebih dari satu. Bagi orang ekabahasa, dalam sistem ini terdapat cuma satu jenis bahasa sahaja. Bagi orang dwibahasa pula, dalam sistem berbahasanya terdapat dua jenis kod bahasa. Walau bagaimanapun, sistem asas yang menghasilkan ungkapan (*parole*) dalam minda manusia tetap sama, tidak kira lah penutur berkenaan penutur ekabahasa atau dwibahasa. Konsep ‘kod’ ini dihasilkan berdasarkan kepelbagaian ungkapan. Dengan demikian, sistem penghasilan *parole*, baik penutur ekabahasa maupun penutur dwibahasa, boleh ditafsirkan sebagai “perujukan *langue* secara memilih mengikut konsep yang hendak diungkapkan dan situasi berbahasa yang berlaku dalam minda manusia”.


Oleh itu, konsep yang dilingkup dengan istilah *langue* di sini mempunyai makna yang lebih luas dari konsep ‘kod’ dalam sosiolinguistik, dan dapat ditafsirkan sebagai ‘keseluruhan kod bahasa yang dimiliki oleh seseorang penutur dalam minda’. Tetapi pemilihan ini biasanya berlaku tanpa disedari oleh pengguna bahasa, kerana tentang penggunaan bahasa tiap-tiap masyarakat mempunyai peraturan tidak bertulis, iaitu kebiasaan, kesantunan, adat berbahasa dan seumpamanya. Sekiranya kita melanggar peraturan tersebut, kita dianggap oleh anggota masyarakat lain sebagai penutur yang ‘kurang sopan’, ‘biadab’ dan sebagainya, dan boleh jadi menyenggung perasaan pendengar.

Dengan kata lain, konsep yang dirujuk dengan istilah *langue* tersebut bukan sekadar kod bahasa yang membolehkan komunikasi sesama manusia seperti hukum

tatabahasa, makna kata dan sebagainya, tetapi juga kebiasaan berbahasa, iaitu aspek pragmatik yang menjadi peraturan tidak bertulis.


Sistem penghasilan pertuturan manusia yang dibincangkan di atas boleh dirumuskan dalam rajah yang berikut:

**Jadual 6.5 Sistem Penghasilan Ungkapan**



Dalam sesebuah masyarakat penutur bahasa, *langue* yang dimiliki oleh anggota masyarakat berkenaan mempunyai bentuk yang amat mirip (atau hampir sama). Inilah yang disebut sebagai ‘kod’ dalam sosiolinguistik. Oleh itu, *langue* boleh merujuk kepada kedua-dua aspek bahasa, iaitu keperibadian dan kemasyarakatan, dalam hal ‘kod’, aspek yang ditekankan ialah bahagian yang telah menjadi milik bersama masyarakat. ‘Masyarakat bahasa’ di sini mempunyai erti yang amat luas, bermula daripada masyarakat penutur sesuatu bahasa, dialek, laras bahasa hingga kumpulan penutur slanga-slanga tertentu.

### Jadual 6.6 Hubungan Antara *Langue* dan Kod Bahasa



Dari segi jumlahnya, seorang penutur cuma mempunyai satu *langue* sahaja.

Pada masa yang sama penutur berkenaan juga boleh memiliki beberapa kod bahasa dalam mindanya. Dengan kata lain, *langue* ialah “keseluruhan kod bahasa yang dimiliki oleh seseorang penutur, yang dianggap oleh penutur sendiri sebagai sistem masyarakat”.

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa pada asasnya sistem yang menghasilkan ungkapan dalam minda penutur ekabahasa dan dwibahasa tetap sama, cuma yang berbezanya ialah *languenya* terdiri daripada satu, dua atau lebih dari dua bahasa. Walaupun sistemnya sama, ungkapan yang dihasilkan melalui peralihan kod mempunyai beberapa ciri-ciri khusus yang tidak terdapat pada ungkapan ekabahasa.

#### 6.2.3 Perbezaan antara Peminjaman dengan Peralihan Kod

Antara kedua-dua gejala bahasa ini tetap ada perbezaan. Biasanya dalam ungkapan sesuatu bahasa, walau bagaimana banyak sekalipun kata pinjamannya,

ungkapan itu tidak dianggap sebagai peralihan kod, walaupun biasanya ungkapan demikian dipandang negatif.

Dalam jadual 6.5, peralihan kod ialah proses yang berkaitan dengan hubungan antara konsep dan *langue* (iaitu penghasilan *parole*), manakala peminjaman menjadi sebahagian daripada *langue* (sebagai bentuk kod bahasa). Dengan demikian, secara kasar boleh dikatakan bahawa unsur pinjaman mengalami asimilasi dengan bahasa pihak penerima unsur pinjaman pada berbagai-bagai peringkat, manakala dalam peralihan kod, unsur dari kedua-dua bahasa tidak mengalami pengasimilasian, sebaliknya mengekalkan bentuk asal dalam bahasanya masing-masing.

Untuk sesuatu unsur asing yang dimasukkan dalam sesuatu bahasa dianggap sebagai peralihan kod, pada ungkapan yang dihasilkan perlu dikenalkan beberapa perbezaan tertentu antara dua bahasa yang menjadi komponen ungkapan, iaitu:


1. Perbezaan dari segi bunyi (aspek fonologi)
2. Perbezaan dari segi hukum tatabahasa (susunan ayat serta pembentukan kata)
3. Perbezaan dari segi penggunaan bahasa (aspek pragmatik)

Sebaliknya, dalam hal unsur pinjaman, asimilasinya terhadap unsur asing dilakukan pada faktor yang disenaraikan di atas, iaitu;

1. Bunyinya disesuaikan dengan bunyi bahasa penerima
2. Ungkapannya mengikut hukum tatabahasa bahasa penerima
3. Penggunaannya mengikut kebiasaan masyarakat bahasa penerima

Ungkapan dwibahasa yang dihasilkan oleh seseorang penutur dwibahasa berada di antara peralihan kod (iaitu penghasilan ungkapan mengikut hukum bahasa yang berlainan dengan jelas) dan peminjaman (unsur asing yang dimasukkan dalam bahasa penerima diasimilasikan mengikut hukum bahasa penerima). Tetapi pembahagian di antara kedua-duanya tidak begitu jelas. Hal ini kerana biasanya seseorang penutur menghasilkan ungkapan yang bersifat peralihan kod tanpa disedari olehnya, kecuali tujuan-tujuan tertentu (seperti hendak menunjukkan pertalian dari segi bahasa dan sebagainya). Oleh itu, kedudukan ungkapan bersifat dwibahasa beralih di antara peralihan kod dan peminjaman mengikut kadar pengasimilasian, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah ini:

**Jadual 6.7 Kedudukan Kedwibahasaan Sesuatu Ungkapan**



### 6.3 Pengaruh Bahasa Inggeris terhadap Bahasa Melayu di Malaysia

Sebelum membincangkan pengaruh bahasa Inggeris di Malaysia, perlu dilihat latar belakang pengaruh tersebut dari sudut pandangan kemasyarakatan. Seperti yang telah dijelaskan dalam **Bab 5**, jika dilihat dari segi dasarnya, kerajaan Malaysia, terutamanya pada peringkat awal, amat giat melancarkan bahasa kebangsaannya

supaya bahasa ini dapat menggantikan tempat bahasa Inggeris. Tidak terdapat niat kerajaan untuk melancarkan bahasa Inggeris lebih daripada yang diperlukan, sama ada sebagai bahasa perhubungan luar atau bahasa ilmu dunia. Dari segi taraf perundangan bahasa Inggeris tidak dapat ditafsirkan sebagai ‘bahasa berfungsi saling melengkapi’ dengan fungsi bahasa Melayu, melainkan sebagai salah satu bahasa tambahan sahaja.

### **6.3.1 Kedudukan Bahasa Inggeris di Malaysia**

Bagi negara-negara yang mempunyai bahasa rasmi yang kukuh penggunaannya, bahasa asing cuma dapat menduduki tempat sebagai bahasa pelajaran formal yang diajar di sekolah. Crystal (1997 : 54) membahagikan negara di dunia berdasarkan peranan bahasa Inggeris di dalamnya, yang terdiri daripada tiga lapisan. Yang pertama ialah negara berbahasa Inggeris secara tradisional, dan menjadi bahasa ibunda bagi kebanyakan penduduknya, iaitu Inggeris, Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan sebagainya. Lapisan yang kedua ialah negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai salah satu institusi negara yang penting, iaitu bahasa Inggerisnya memainkan peranan yang penting sebagai bahasa kedua seperti India dan Singapura. Lapisan yang ketiga ialah negara yang menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa yang penting, dan diajar sebagai bahasa asing utama. Dari segi taraf perundangan bahasa Inggeris dan penggunaannya dalam keadaan yang rasmi, Malaysia tergolong dalam negara lapisan ketiga'; sebaliknya, dari segi penggunaannya Malaysia amat berdekatan dengan negara-negara dalam lapisan yang kedua.

Selain kedudukan dari segi perundangan serta penggunaan, satu lagi kedudukan yang perlu dibincangkan ialah kedudukan dari segi mental. Hal ini amat sukar dibincangkan kerana berkaitan dengan perkara yang subjektif. Walaupun begitu, keadaan masyarakat membantu untuk meninjau hal ini. Jika kita lihat bidang-bidang yang penggunaan bahasa Inggeris melebihi bahasa Melayu di Malaysia, jelas sekali bidang-bidang berkenaan mempunyai nilai yang tinggi. Secara kasar, nilai positif yang diberikan kepada bahasa Inggeris terdiri daripada dua unsur utama, iaitu ‘nilai sosioekonomi’ dan ‘nilai kemajuan’.

Nilai sosioekonomi merupakan nilai yang diberikan kepada sesuatu bahasa berdasarkan penggunaannya dalam masyarakat. Nilai tersebut yang ada pada bahasa Inggeris ini amat tinggi di seluruh dunia, bukan sahaja di negara-negara bahasa Inggeris induk, tetapi juga di negara-negara lain. Tetapi nilai ini lebih menonjol di negara-negara yang bahasa Inggerisnya memainkan peranan penting. Dari sudut yang lain pula, hal ini membawa pandangan yang negatif terhadap bahasa-bahasa lain. Ada kalanya bahasa-bahasa tempatan dipandang rendah. Inilah gejala yang berlaku di Malaysia, terutamanya penggunaan bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi. Pandangan yang demikian bukan sahaja dimiliki oleh rakyat biasa, malah turut dikongsi oleh pucuk pimpinan negara. Arah Perdana Menteri yang disiarkan pada 23 Disember 1993 untuk membolehkan institut pengajian tinggi menggunakan bahasa Inggeris dalam penyampaian kuliah bidang sains dan teknologi merupakan satu peristiwa yang menunjukkan hal ini dengan ketara (lihat Asraf (ed.), 1996).

Nilai kemajuan juga amat berdekatan dengan nilai sosioekonomi, tetapi bidang penggunaannya boleh dikhususkan kepada apa yang dianggap sebagai ‘kemajuan’.

Salah satu bidang yang paling penting dalam hal ini ialah sains dan teknologi. Bahasa Inggeris telah menjadi *lingua franca* dunia dalam bidang ini. Misalnya, kebanyakan jurnal sains dan teknologi diterbitkan dalam bahasa Inggeris.

Kecenderungan ini semakin ketara apabila teknologi maklumat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Kebanyakan laman web dihasilkan dalam bahasa Inggeris. Tetapi yang lebih pentingnya, kebanyakan komputer di mana-mana bahagian di dunia, tidak membolehkan penggunaan bahasa yang lain selain daripada bahasa tempatan dan bahasa Inggeris. Perisianya boleh digunakan melalui bahasa tempatan atau bahasa Inggeris sahaja. Keadaannya lebih membimbangkan di Malaysia, kerana hampir semua perisian berbahasa Inggeris, dan amat sedikit sekali perisian berbahasa Melayu, termasuk perisian yang popular serta sistem operasi (OS).

Satu lagi aspek yang perlu ditekankan mengenai ‘nilai kemajuan’ ialah bahasa Inggeris dikaitkan dengan perkembangan (sebenarnya bukan kemajuan) fesyen Barat, baik melalui wayang, muzik, pakaian mahupun juga sukan. Dengan itu, budaya yang menjadi ikutan muda mudi datang dari Barat. Bahasa Inggeris pula sebagai pemangkinnya amat berpengaruh dalam pembentukan pandangan anggota masyarakat.

Disebabkan oleh unsur-unsur yang disebut di atas, pandangan terhadap bahasa Inggeris di Malaysia amat positif. Hal ini turut mempengaruhi penggunaan bahasa. Di Malaysia, sikap hendak menunjukkan kebolehan berbahasa Inggeris amat ketara. Bahasa yang dihasilkan berdasarkan sikap demikian pula dianggap sebagai

'pencampuran bahasa'. Tetapi di sini perlu dibezakan antara peralihan kod dengan peminjaman.

### **6.3.2 Tahap Pengaruh Bahasa Inggeris**

Pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu di Malaysia terdapat di semua peringkat gejala dwibahasa, bermula daripada peminjaman hingga ke peringkat peralihan kod.

#### **6.3.2.1 Peminjaman**

Unsur pinjaman daripada bahasa Inggeris yang telah menjadi sebahagian bahasa Melayu yang telah disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab dibincangkan dalam **Bab 2**. Di sini tumpuan beralih kepada unsur bahasa Inggeris yang amat luas penggunaannya, tetapi tidak dibenarkan penggunaannya dalam situasi yang rasmi. Untuk menggambarkan gejala ini, biasanya, dalam penulisan unsur-unsur bahasa Inggeris demikian ditulis dengan huruf miring dan mengikut ejaan bahasa Inggeris. Misalnya;

*I* nak pergi *shopping* kat *central market*.

Boleh tak nanti *you call* balik kat *office I* after sembahyang maghrib?

Kebiasaan ini mengabui mata kerana seolah-olah unsur bahasa Inggeris dimasukkan dalam bahasa Melayu sambil sifatnya, terutamanya bunyinya, dikenalkan. Tetapi dalam kebanyakan hal, unsur-unsur demikian disebut mengikut

sebutan bahasa Melayu (atau lidah Melayu). Dengan menulis kata ganti nama diri pertama bahasa Inggeris *I* dengan mengikut ejaan asalnya, seolah-olah unsur tersebut wujud dalam bahasa Melayu sambil mengekalkan sifat-sifat asalnya. Tetapi jelas perkataan ini telah menjadi kata pinjaman bahasa Melayu, dan tidak lagi mengikuti hukum bahasa Inggeris. Selain ‘dia kasi *I*’, iaitu ‘*I*’ berfungsi sebagai akusatif, ‘*I*’ juga boleh berfungsi sebagai posesif, seperti ‘*office I*’, ‘*kampung I*’ atau ‘*I punya wife*’, ‘*I punya kereta*’, ‘ini *I punya*’ dan sebagainya. Sekiranya hendak dikatakan sebagai peralihan kod, bentuk ‘*me*’, ‘*my*’ dan ‘*mine*’ perlu digunakan. Tetapi bentuk ini jarang muncul dalam ungkapan campur aduk ini. Begitu juga kata ganti nama diri kedua, ‘*you*’. Kata ganti nama ini juga biasanya tidak mengalami perubahan bentuk mengikut kasus yang sepatutnya berlaku dalam ungkapan bahasa Inggeris. Tetapi kekeliruan ini tidak timbul jika unsur-unsur bahasa Inggeris yang demikian ditulis mengikut bunyi yang disebut, iaitu *I* sebagai ‘ai’, dan ‘*you*’ sebagai ‘yu’. Begitu juga perkataan-perkataan lain, kerana yang berlaku ialah bukan peralihan kod (sekiranya dalam penulisan kod, cara penulisan ini boleh disokong), tetapi cuma merupakan peminjaman.

Salah satu ciri khusus yang ada pada unsur bahasa Inggeris yang diambil secara tidak rasmi ini ialah merangkumi hampir semua golongan kata. Bukan seperti unsur bahasa Inggeris yang diterima secara rasmi, iaitu golongan katanya terhad kepada kata nama, kata kerja serta kata sifat. Di bawah ini disenaraikan sebahagian daripada contoh kata pinjaman tak rasmi dari bahasa Inggeris

### Jadual 6.8 Unsur Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu Basahan

Golongan Kata	Contoh (mengikut ejaan bahasa Inggeris)
kata nama	action, appointment, business, company, exam, furniture, gang, graduate, lecturer, library, meeting, member, room-mate, shopping, software, student, office, time, dsb.
kata bilangan	bilangan (semua bilangan), about, all, half, more, dsb.
kata ganti nama	I, you, we all, you all
kata sifat	best, boring, careful, cheep, correct, cute, enough, expensive, favorite, fed up, first, full, good, high, important, interesting, last, nice, no, power, private, special, dsb.
kata kerja	call, charge, check, depend, contact, drive, go, look, pay, sleep, sorry, spend, stay, study, take, take care, dsb.
kata hubung	because, but, even, so, time, dsb.
kata tanya	how much, what, when, dsb.
kata perintah	don't (dengan maksud 'jangan'), please
kata pangkal ayat	and then, by the way,
kata sendi nama	as, at, after, before, so far, still, until, up to (you), dsb.

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan di sini. Yang pertama, sesetengah unsur pinjaman telah mengalami perubahan fungsi dan golongan kata. Misalnya, perkataan '*power*' yang asalnya bermaksud 'tenaga', dalam bahasa Melayu telah dijadikan kata sifat yang bermaksud 'hebat, unggul' dan seumpamanya, seperti dalam ayat yang berikut; 'dia punya bahasa Inggeris lebih *power* daripada *I*'. Kata sifat '*favorite*' pula lebih kerap digunakan sebagai kata nama, seperti 'Lagu ini *I* punya *favorite*'. Jelaslah di sini maknanya telah menggantikan perkataan 'kegemaran'. Perkataan '*boring*' yang asalnya bermaksud 'membosankan', kadang-kala digunakan sebagai maksud 'bored', iaitu '*I* dah *boringlah*'. Perkataan '*time*' yang sebenarnya kata nama yang bermaksud 'waktu, masa', juga sekali sekala digunakan sebagai kata hubung yang menunjukkan waktu, terutamanya dalam bentuk '... punya *time*', seperti 'dulu, British punya *time*' (penggunaan ini terdapat pada golongan yang agak tua).

Yang kedua, ada perkataan-perkataan tertentu yang mengalami perubahan maksud, seperti perkataan '*best*' yang sebenarnya bermaksud 'paling baik', kerap kali digunakan dalam maksud 'baik' atau 'bagus', kerana terdapat ungkapan seperti 'Ini lagi *best*'. Kata nama '*member*' yang asalnya bermaksud anggota sesuatu pertubuhan atau kumpulan, dalam bahasa Melayu basahan telah dijadikan sebagai 'kawan rapat'. Perkataan '*action*' yang bermaksud 'kelakuan' pula selalunya digunakan sebagai maksud kata kerja, iaitu 'menunjukkan gaya', seperti '*Hey you, jangan action sangatlah*'. Untuk maksud yang asal, kata pinjaman 'aksi' pula digunakan. Di sini terdapat satu dualisme.

Yang ketiga, sesetengah perkataan selalunya diikuti oleh kata penegas *-lah* seperti '*sorrylah*', '*pleaselah*', '*nolah*', '*OKlah*', '*up to youlah*' '*dependslah*' dan sebagainya. Di sini perlu diperhatikan bahawa dengan adanya unsur-unsur demikian, ungkapan asal bahasa Melayu seperti '*maafkanlah*', '*tolonglah*', '*bukanlah*', '*baiklah*', '*bergantung pada awaklah*' semakin disingkirkan daripada penggunaan sehari-hari.

Yang keempat, unsur pinjaman bukan sahaja terdapat pada peringkat perkataan, tetapi juga di peringkat klausa, frasa, sehingga ayat, seperti *fed up*, *up to you*, *excuse me*, *never mind*, *no problem*, *it's OK*, dan seumpamanya. Sesetengah pengkaji menggolongkan gejala yang demikian sebagai peralihan kod, tetapi sepatutnya digolongkan sebagai peminjaman berdasarkan tahap asimilasi bunyi.

Secara kesimpulannya, kebanyakan gejala kemasukan unsur bahasa Inggeris yang berlaku dalam bahasa Melayu, yang sentiasa menjadi sasaran kecaman para pencinta bahasa sebagai 'pencemaran bahasa' bukan peralihan kod, melainkan

sekadar peminjaman yang dilakukan secara besar-besaran. Sifat kata-kata yang diambil dengan cara ini, iaitu peminjaman, jelas menunjukkan kesan asimilasi dengan bahasa Melayu, seperti yang telah dijelaskan di atas, iaitu dari segi bunyi, penggunaan serta hukum tatabahasa. Tetapi asimilasinya tidak setakat di sini sahaja, malah pemindahan peng golongan kata serta perubahan makna juga kerap kali berlaku.

#### **6.3.2.2 Gejala Zaman Kuno yang Diulang Semula**

Sekiranya kita meninjau unsur-unsur demikian dan membandingkannya dengan unsur bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu, terdapat satu persamaan yang amat menarik, iaitu kedua-duanya merangkumi hampir semua golongan kata. Kecenderungan untuk mengikuti cara tamadun agung yang lain terdapat di mana-mana daerah yang tidak menghasilkan tamadun sendiri, yang terletak di kawasan pinggir tamadun agung yang lain.

Apa yang istimewa bagi bahasa Melayu tentang kemasukan unsur bahasa Inggeris ialah gejala yang pernah berlaku ketika orang Melayu bertembung dengan tamadun-tamadun India dan Islam pada zaman dahulu, iaitu ketika orang Melayu tidak mempunyai sebarang unsur kebudayaan tinggi sendiri; gejala ini diulang semula pada zaman moden, iaitu meminjam unsur-unsur asing dalam proses membina kebudayaan sendiri yang ulung.

Paitoon (1999 : 2-3) berpendapat bahawa sekiranya unsur asing diterima secara bulat-bulat tanpa sebarang perubahan serta penyesuaian, tidak ada ciri-ciri kecendekiaan dalam proses peminjaman. Beliau berkata,

" ... (kaedah peminjaman secara bulat-bulat) tidak membayangkan kecendekiaan dalam perkembangan unsur-unsur bahasa. Dengan kata lain, tidak terdapat pemikiran kreatif dalam pembinaan unsur-unsur asing berkenaan. Ia semata-mata meniru tanpa berlandaskan identiti dan kedaulatan kebangsaan. Ciri-ciri seperti ini akan kita dapati pada bahasa-bahasa atau dialek-dialek sesuatu bangsa yang tidak memiliki asas kebudayaan tersendiri atau bangsa-bangsa yang tidak pernah merdeka sebelumnya.'

Dengan demikian, pengambilan bahasa Inggeris secara bulat-bulat yang dilakukan oleh segolongan penutur bahasa Melayu di Malaysia (walaupun bunyinya telah diubahsuai mengikut telor bahasa Melayu) menunjukkan bahawa golongan berkenaan mempunyai pandangan yang 'tidak berlandaskan identiti dan kedaulatan kebangsaan'.

Sebaliknya, menurut Paitoon lagi (1999 : 3), kaedah pengambilan unsur asing sambil mengubahsuai struktur bahasa penerima dapat dianggap sebagai 'satu kecendekiaan dalam pemikiran yang terdapat pada warga penutur bahasa berkenaan'. Kaedah inilah yang digunakan oleh bangsa Melayu dengan amat cekap ketika mengambil unsur-unsur bahasa Arab, sekaligus mengekalkan kekuatan bahasa Melayu, dapat memperkasanya dengan penambahan buni konsonan serta kata pinjaman.

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa gejala yang berlaku dalam bahasa Melayu ini berpunca daripada pandangan serta mental orang Malaysia yang

kurang yakin dengan kebudayaan sendiri, atau tidak mengenalinya sama sekali, melainkan mengangung-agungkan unsur-unsur Barat. Dengan kata lain, sebahagian (bukan semua) orang Malaysia amat ghairah meniru cara Barat sebagaimana orang-orang Melayu kuno yang tidak memiliki apa-apa ghairah meniru segala sesuatu yang datang dari India.

Tetapi masalahnya tidak berhenti di sini sahaja. Golongan yang demikian, yang pandangannya ‘dijajah’ (Tsuda, 1990 : 15) terdapat di mana-mana negara. Masalahnya di Malaysia ialah unsur-unsur yang diambil oleh sebahagian orang Malaysia yang bersifat ‘proBarat’ ini mungkin kerana jumlah golongan ini agak ramai, dan telah menjadi sebahagian daripada budaya penggunaan bahasa. Dengan demikian, orang yang tidak begitu ghairah dengan pengambilan unsur Barat juga turut mengikuti budaya bahasa demikian. Oleh itu penggunaannya semakin meluas serta mantap.

#### **6.3.2.2 Peralihan Kod**

Satu lagi cara kemasukan unsur bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu ialah melalui peralihan kod. Kerap kali bahasa Inggeris yang dimasukkan ke dalam ungkapan amat dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Pada umumnya, peralihan kod berlaku dalam masyarakat penutur yang mempunyai bahasanya sendiri, dan menggunakan satu lagi kelainan bahasa yang kebanyakannya dikenakan melalui paksaan atau keperluan, seperti golongan penduduk tanah jajahan (melalui paksaan) atau imigran (melalui keperluan). Oleh itu, peralihan kod yang berlaku di Malaysia, dari satu sudut, menjadi bukti bahawa bahasa Inggeris masih memainkan peranan

yang penting dalam masyarakat. Walaupun kini bahasa Inggeris telah hilang taraf perundangan yang pernah dinikmatinya semasa zaman penjajahan, tetapi secara *de facto* kedudukannya masih kukuh lagi. Sejajar dengan itu, ungkapan yang bersifat peralihan kod antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris di Malaysia biasanya dihasilkan oleh orang-orang yang mempunyai kedudukan yang lumayan dalam masyarakat yang menerima pendidikan tinggi atau pendidikan luar negeri. Peralihan kod pula tidak berlaku pada ungkapan yang dihasilkan oleh orang yang tidak berpendidikan. Unsur bahasa Inggeris yang dimasukkan oleh penutur demikian berhenti di peringkat peminjaman.

Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa fungsi bahasa Inggeris di Malaysia tidak sebesar bahasa persekitaran baharu bagi golongan imigran, penguasaan bahasa Inggerisnya tidak menjadi syarat mustahak untuk berjaya dalam masyarakat. Dengan kata lain, masyarakat Malaysia tidak mempunyai sebarang keperluan untuk menguasai bahasa Inggeris yang ‘benar’, iaitu kelainan yang ditutur oleh orang kulit putih di negara-negara bahasa Inggeris induk. Norma bahasa Inggerisnya agak berlainan daripada norma yang terdapat di negara berbahasa Inggeris induk, atau tidak seketat dengannya. Oleh itu, ungkapan-ungkapan bahasa Inggeris yang tidak mematuhi peraturan yang sebenarnya juga boleh digunakan di Malaysia<sup>6</sup>. Beberapa hukum yang penting juga tidak semestinya diikuti oleh penutur, seperti penambahan ‘-s’ di hujung bentuk jamak atau kata kerja orang ketiga. Tekanan suara (*accent*) juga telah hilang, dan kebanyakan ayat disebut mengikut bahasa ibundanya masing-masing.

<sup>6</sup> Tentang bahasa Inggeris di Malaysia, sila rujuk Lee (1998).

Zaidan Ali (1994 : 65) menyenaraikan beberapa contoh ayat bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh orang Malaysia seperti yang berikut;

1. The taxi cut the van.
2. Dielah I like this
3. Whatlah you! You cannot put your car like this.

Ungkapan di atas kesemuanya tidak bermaksud sekiranya ditafsirkan mengikuti peraturan bahasa Inggeris asal. Tetapi maknanya amat jelas jika unsur-unsur dalam ungkapan di atas digantikan dengan unsur bahasa Melayu, iaitu;

- 1' Kereta itu potong van.
- 2' Matilah aku macam ini!
- 3' Apalah awak! Awak tak boleh letak kereta macam ini.


Sekiranya sistem bahasa Inggeris yang sempurna (atau tinggi) dimiliki oleh seseorang penutur, ungkapan demikian tidak akan dihasilkan. Ungkapan demikian dihasilkan kerana dalam mindanya sistem bahasa Inggeris dengan sistem bahasa Melayu tidak begitu dibezakan.

Oleh itu, boleh dianggap bahawa peralihan kod antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris yang berlaku di Malaysia boleh digolongkan kepada dua jenis, iaitu;

- (a) peralihan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris tulen,
- (b) peralihan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris ala Malaysia

Perhubungan antara kemampuan bahasa Inggeris dan jenis ungkapan dwibahasa adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

**Jadual 6.9 Perhubungan Antara Kemampuan Bahasa Inggeris dengan Jenis Ungkapan Dwibahasa**



Gejala dwibahasa yang bermasalah dari sudut pandangan perkembangan bahasa ialah bukan peralihan kod antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris tulen. Gejala ini menunjukkan bahawa penutur berkenaan sekurang-kurangnya dapat menguasai satu bahasa (di sini bahasa Inggeris) dengan baik, dan mampu menggunakan bahasa tersebut untuk berbagai-bagai tujuan, seperti penuntutan ilmu, pekerjaan, pengumpulan maklumat dan sebagainya. Dalam hal ini, oleh sebab sistem bahasa Inggeris dan sistem bahasa Melayu dalam mindanya dipisahkan dengan jelas, lalu sistem bahasa Melayunya tidak dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Kesimpulannya, penutur ini dapat menguasai kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris secara berasingan, dan menggunakan kedua-dua bahasa tersebut mengikut fungsi dan keperluan, tanpa mencampuradukkan kedua-duanya. Di Malaysia terdapat ramai ahli bahasa, sasterawan serta budayawan yang tamat pengajian tingginya di luar negeri,

tetapi dapat menggunakan kedua-dua bahasa dengan baik. Bahasa Melayunya tidak dipengaruhi oleh bahasa Inggeris, bentuknya mengikuti hukum tatabahasa, penggunaannya mengikut adat berbahasa Melayu, bunyinya mengikut sebutan bahasa Melayu. Pada masa yang sama, golongan ini juga dapat menggunakan bahasa Inggeris dengan sempurna, baik dalam percakapan maupun penulisan. Dengan kata lain, golongan ini merupakan ‘dwibahasa seimbang’, yang dapat menggunakan kedua-dua bahasa yang dikuasainya dengan baik, tanpa satu bahasa dipengaruhi oleh yang lain, atau sedikit sekali pengaruh antara bahasa yang dikuasainya.

Golongan yang bermasalah dalam hal ini ialah golongan yang tidak dapat menguasai kedua-dua kelainan dengan sempurna, lalu mencampuradukkan kedua-duanya, yakni ungkapan yang ‘bahasa Melayu pun bukan, bahasa Inggeris pun bukan’ (Hassan Ahmad, 1994 : 231). Bahasa Inggeris yang digunakan oleh golongan ini juga tidak bermutu tinggi. Menurut Hassan Ahmad lagi (1994 : 235),

‘... bahasa Inggeris yang digunakan oleh orang Malaysia apabila mereka berbual-bual sesama sendiri bukanlah bahasa Inggeris yang bermutu tinggi. Nahunya salah, sebutannya ada telor Melayu, kata-kata Inggeris yang digunakan tidak tepat. Tetapi mereka tetap mati-matian mahu bercakap dalam bahasa Inggeris yang tidak bermutu itu.’

Perhatian beliau selaras dengan pendapat Zaidan Ali (1994 : 16) yang menegaskan bahawa bahasa Inggeris ala Malaysia berbeza daripada bahasa Inggeris baku British dari hampir semua segi. Di samping itu, beliau menekankan bahawa bunyi bahasa Inggeris yang dituturkan oleh orang Melayu amat dipengaruhi oleh

bunyi bahasa Melayu. Selain faktor tersebut, menurutnya lagi (1994 : 64), dalam bahasa Inggerisnya terdapat banyak penggandaan kata penuh (yang sebenarnya tidak ada dalam bahasa Inggeris).

Permasalahan ini lebih jelas jika ditunjukkan dalam bentuk rajah yang berikut:

**Rajah 6.10 Sistem Pertuturan Mengikut Penguasaan Bahasa**



## 6.4 Penutup

Kesimpulannya, bagi golongan pertama dalam rajah di atas, iaitu mereka yang dwibahasa seimbang, oleh sebab pembahagian antara kelainan bahasa yang dikuasainya agak jelas (walaupun yang sebenarnya tidak sejelas seperti dalam rajah di atas), bahasa Melayunya hampir tidak terpengaruh oleh bahasa Inggeris. Golongan dwibahasa mengikut fungsi juga boleh dianggap sebagai golongan yang mempunyai sistem berbahasa yang dipisahkan dengan jelas, yang dapat menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam bidang kemampuannya yang tertentu. Golongan kedua pula, iaitu penutur dwibahasa tak sempurna, oleh sebab penguasaan bahasa Inggerisnya tidak cukup, maka sifat bahasa Inggerisnya amat berbau bahasa Melayu

(contoh ayat yang diambil oleh Zaidan Ali di atas dihasilkan oleh golongan ini). Pada masa yang sama, disebabkan oleh penguasaan bahasa Melayu yang juga tidak sempurna, unsur-unsur dari bahasa Inggeris selalunya diselitkan di tempat-tempat yang sepatutnya tidak memerlukan unsur bahasa Inggeris (sekiranya menguasai bahasa Melayu dengan baik). Bagi golongan ketiga pula, sebenarnya kemampuannya tidak cukup sama sekali untuk menghasilkan ungkapan bahasa Inggeris yang sempurna, melainkan beberapa ungkapan yang amat lazim. Tetapi mereka juga hendak menunjukkan ‘bahasa Inggeris’ mereka kepada orang lain, lalu sengaja memasukkan unsur-unsur bahasa Inggeris dalam bahasa Melayunya di peringkat peminjaman. Ungkapan seperti ‘Kalau *tomorrow I free, I* nak pergi *shopping* kat *KLCClah*’ ini boleh dihasilkan oleh golongan ini serta golongan yang kedua.

Dengan adanya golongan yang demikian yang amat ramai jumlahnya, ada satu keimbangan mengenai perkembangan bahasa Melayu selanjutnya. Sekiranya unsur-unsur bahasa Inggeris yang bersifat peminjaman ini semakin luas penggunaannya, semakin sempitlah tempat untuk unsur bahasa Melayu yang sedia ada digunakan. Dengan demikian, *langue* bahasa Melayu yang dimiliki oleh semua anggota masyarakat bahasa Melayu di Malaysia (di sini aspek kemasyarakatan *langue*) lama-kelamaan menjadi lemah, sehingga sesetengah ungkapan tidak dapat dihasilkan dalam unsur bahasa Melayu. Hal ini dibincangkan secara terperinci dalam bab terakhir.